



## **TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS MESRA MUAFAKAT JKKK NEGERI KEDAH  
BERSAMA PEMIMPIN**

**GRAND BALLROOM, HOTEL TH,  
KEPALA BATAS**

**24 APRIL 2016, AHAD**

**WAKTU KETIBAAN : 10.30 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Terima kasih kepada Saudara Pengerusi Majlis

- SENARAI PROTOKOL –

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Mesra Muafakat JKKK Negeri Kedah bersama Pemimpin yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).
2. Pada hari ini juga, saya amat berbesar hati kerana YAB Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Menteri Besar Kedah turut meluangkan masa bersama-sama dengan KKLW dan seluruh JKKK Negeri Kedah Darul Aman.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya mengucapkan terma kasih kepada semua Pengerusi dan Setiausaha JKKK Seluruh Negeri Kedah yang hadir meluangkan masa bersama KKLW dan juga Pemimpin Tertinggi Negeri.
4. Sesungguhnya, peranan JKKK memang tidak boleh dinafikan dalam membantu kerajaan menyampaikan segala agenda yang telah dirancang di Peringkat Kerajaan Persekutuan kepada rakyat terutama rakyat luar bandar.
5. Sebagai peneraju KKLW, saya sentiasa menekankan bahawa agenda pembangunan luar bandar perlu dilaksanakan dengan lebih teliti dan seimbang. Pada 20 November 2015 yang lalu, saya telah melancarkan

Transformasi Luar Bandar di mana ianya menekankan kemajuan dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, keusahawanan, modal insan dan pembangunan sosial.

6. Transformasi yang bertemakan 'Membandarkan luar bandar' yang dimaksudkan adalah berdasarkan enam (6) ciri :-

- i. Menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar.
- ii. Memajukan luar bandar melangkaui penyediaan infrastruktur asas.
- iii. Menjana pendapatan lebih tinggi dengan penglibatan swasta, aktiviti ekonomi, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan.
- iv. Peningkatan kemudahan sosial dilaksanakan tanpa menjejaskan persekitaran desa dan masyarakat yang berpegang teguh kepada kepercayaan agamadan kaya dengan budaya serta nilai-nilai murni.
- v. Memajukan masyarakat luar bandar melalui perubahan sikap dan gaya pemikiran, peningkatan ilmu dan kemahiran
- vi. Menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar.

Kesemua ini bakal dilaksanakan melalui 19 inisiatif transformasi yang akan diterjemahkan kepada program dan projek agar matlamat atau aspirasi transformasi ini dapat dicapai.

7. Transformasi Luar Bandar ini telah menjadi panduan kepada semua Bahagian dan Agensi yang berada di bawah KKLW termasuk KEDA dalam merancang program dan projek yang melibatkan rakyat terutama kawasan luar bandar. Saya mahu lihat semua rakyat dalam pelbagai lapisan mendapat manfaat yang seimbang dari peruntukan yang disalurkan kerajaan kepada KKLW.

8. Saya sangat menekankan penglibatan rakyat dalam aspek keusahawanan kerana keusahawanan merupakan tulang belakang kepada perkembangan aktiviti ekonomi negara. Justeru itu, saya telah mewujudkan MARA Digital, bagi membantu meningkatkan ekonomi orang Melayu.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Semua yang dirancang oleh KKLW dan agensi ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan daripada akar umbi. Oleh itu, sokongan daripada seluruh JKKK amat diperlukan dalam memastikan agenda kerajaan dapat dijalankan dengan baik. Bukan setakat ini sahaja, Pengerusi dan Setiausaha memainkan peranan penting sebagai banteng dalam menangkis segala serangan negatif terhadap KKLW dan kerajaan.

10. KKLW dan agensi tidak mampu untuk turun ke setiap pelusuk daerah untuk menerangkan agenda dan juga menangkis segala tohmahan terhadap kerajaan. Oleh itu, jadilah banteng yang kuat dalam membantu mengukuhkan kerajaan agar perancangan ekonomi negara berlangsung dengan jaya seperti yang dirancang.

11. Mengikut aturcara program hari ini, sebentar lagi akan diadakan Penyampaian Anugerah JKKK Cemerlang dan Parlimen terbaik 2015. Tahniah dan syabas kepada semua yang akan menerimanya. Malah sebenarnya, saya difahamkan JKKK Kedah secara keseluruhannya berjaya mencapai purata 95% dalam menganjur dan menghantar minit mesyuarat sepanjang 2015. Sesungguhnya ini satu rekod yang cemerlang. Tahniah dan syabas. Teruskan usaha tuan-tuan dan puan-puan dalam kita Mentransformasikan Luar Bandar dan seterusnya Membandarkan Luar Bandar.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah.

Wassalamualaikum wbt.